

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ

TARIKH : 15 MAC 2017

RUJUKAN : 9629

SOALAN:

Dato' Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah kejayaan Polis Diraja Malaysia dalam membanteras kegiatan judi haram di premis-premis perniagaan yang berselindung di sebalik pusat hiburan keluarga.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) khasnya Jabatan Siasatan Jenayah sentiasa memberi perhatian khusus berkaitan aktiviti perjudian *online* dengan membuat pemantauan dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan di seluruh negara. Namun, aktiviti perjudian ini masih aktif kerana pengusaha pusat perjudian haram telah menukar *modus operandi* mereka dengan beroperasi di sebalik perniagaan yang sah atas nama pusat hiburan keluarga (PHK) melalui lesen mesin *simulator* yang dikeluarkan. Walau bagaimanapun, mesin-mesin tersebut telah diubahsuai untuk tujuan perjudian dan mereka juga turut mengubah lokasi daripada premis perniagaan ke kondominium bagi mengaburi mata pihak penguatkuasa.

PDRM dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Pihak Berkuasa Air Negeri telah melaksanakan operasi bersepadu bagi mengesan premis-premis merangkumi :

- i) PHK yang dilesenkan tetapi terdapat mesin-mesin yang disyaki berunsur perjudian;**
- ii) PHK yang tidak mempunyai lesen; dan**
- iii) Premis yang menjalankan aktiviti perjudian tanpa lesen.**

Hasil kerjasama dengan agensi-agensinya berkenaan, PBT telah mengetatkan syarat pengeluaran lesen serta membatalkan lesen terhadap PHK yang didapati menyalahi undang-undang. Perbandingan pengeluaran lesen pusat Hiburan Keluarga (PHK) bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:-

KONTINJEN	PHK BERLESEN	
	2015	2016
SARAWAK	222	32
P.PINANG	159	159
PERAK	96	98
N.SEMBILAN	90	0
KEDAH	68	122
SELANGOR	63	230
SABAH	45	68
KUALA LUMPUR	22	31
JOHOR	12	0
MELAKA	6	8
PAHANG	6	19
PERLIS	1	1
TERENGGANU	1	2
KELANTAN	0	0
JUMLAH	791	670

Statistik serbuan dan tangkapan pusat hiburan keluarga bagi tahun 2014 sehingga Januari 2017 adalah seperti berikut:-

SERBUAN DAN TANGKAPAN PUSAT HIBURAN KELUARGA (PHK) DI SELURUH MALAYSIA BAGI TAHUN 2014 HINGGA JANUARI- 2017

KONTINJEN	SERBUAN				TANGKAPAN				RAMPASAN MESIN				RAMPASAN WANG				PERTUDUHAN											
																	ARJIT				ENAKMEN							
	2014	2015	2016	Jan-17	2014	2015	2016	Jan-17	2014	2015	2016	Jan-17	2014	2015	2016	Jan-17	2014	2015	2016	Jan-17	2014	2015	2016	Jan-17	2014	2015	2016	Jan-17
KUALA LUMPUR	3	8	11	8	21	22	24	9	119	198	741	0	709	2778	472	0	3	1	980	25	0	0	0	0	0	0	0	0
SELANGOR	0	3	7	12	0	8	8	0	0	29	391	78	0	0	510	0	0	0	2723	47	0	2	469	5				
JOHOR	171	452	822	0	703	2480	3321	0	1223	4797	6456	0	15723	68893	251013	0	24	202	633	9	94	208	222	0				
P.PINANG	11	13	34	1	65	32	10	1	182	186	12	8	0	0	23585	380	0	0	55	3	6	8	0	1				
PERAK	1	6	106	9	1	8	163	9	26	118	426	5	1153	7115	32249	120	1	6	85	3	0	0	30	1				
SABAH	0	0	18	0	0	0	11	0	0	0	4	0	0	0	581	0	0	0	31	4	0	0	3	0				
PERLIS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0				
KEDAH	53	74	104	10	188	104	157	8	689	740	287	14	0	1422	6570	2	1	20	99	5	23	40	64	7				
N.SEMBILAN	3	14	166	3	18	23	404	12	82	148	1485	32	2254	2405	41426	670	3	13	151	3	0	0	86	0				
MELAKA	5	2	4	0	20	1	6	0	81	65	19	0	0	0	3180	0	4	1	87	2	1	1	5	0				
PAHANG	0	0	78	3	0	0	231	4	0	0	80	2	0	0	20550	295	0	0	27	2	0	0	0	0				
TERENGGANU	0	1	0	0	0	7	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0				
KELANTAN	0	0	2	0	0	0	30	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	32	0	0	0	0	0				
SARAWAK	0	10	50	2	0	15	130	2	0	15	139	2	0	0	17369	80	0	1	48	2	0	8	2	0				
JUMLAH	247	583	1402	48	1016	2700	4495	45	2402	6298	10040	141	19839	82613	397505	1547	37	244	4951	105	124	267	881	14				

Selain daripada operasi yang dijalankan secara berterusan bagi mengekang kegiatan perjudian ini sehingga ke akar umbi, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui PDRM juga telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:-

- i) membentangkan Nota Makluman berhubung aktiviti perjudian haram pada Oktober 2014 dan pada Mac 2015 dalam Mesyuarat Menteri- Menteri Besar dan Ketua Menteri

Bil. 122 dan Bil. 123 dengan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian dan kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian haram secara bersepadu melibatkan PBT, PDRM dan agensi-agensi kerajaan yang lain;

- ii) melatih lebih ramai penganalisa pakar-pakar judi untuk memudahkan mereka mengenal pasti dan mengkategorikan sesuatu aktiviti itu sebagai mempunyai elemen perjudian. Di samping itu, usaha ini akan memudahkan proses mengemukakan keterangan bagi tujuan pendakwaan di Mahkamah;**
- iii) meneruskan kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesedaran tentang kesan aktiviti perjudian yang telah diadakan dengan menyasarkan golongan remaja di peringkat persekolahan. Program ini melibatkan PBT, agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat swasta;**
- iv) menubuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS), PDRM bagi memastikan gejala judi haram dapat diperangi sehingga ke peringkat akar umbi. Unit ini akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan premis berkenaan tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin perjudian haram; dan**

- v) **PDRM telah mengkaji dan membuat beberapa cadangan pindaan terhadap Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289). Usaha untuk meminda Akta ini telah dibincangkan dengan pihak PEMANDU pada bulan Ogos 2014. Seterusnya, pada Julai 2015 atas inisiatif pihak Peguam Negara, satu perbincangan telah diadakan dengan pengusaha judi berlesen dari seluruh Negara bersama-sama dengan pihak Bank Negara Malaysia, PDRM dan Kementerian Kewangan. Pihak PDRM telah mengenal pasti provisi-provisi yang perlu dipinda dalam menangani gejala perjudian secara dalam talian dengan lebih berkesan.**

PDRM sememangnya berusaha keras untuk membasmi kegiatan perjudian ini sehingga dapat ditangani sepenuhnya. Namun, usaha dan tindakan yang diambil oleh PDRM melalui operasi “Op Dadu” yang dilakukan secara agresif dan berterusan tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis.